

12/07/2003

Tawaran Universiti Chiba majukan bioteknologi diterima

Wan Esuriyanti Wan Ahmad

TOKYO: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, Malaysia menerima tawaran Universiti Chiba, Jepun, untuk membangunkan sektor pertanian melalui kaedah bioteknologi.

Timbalan Perdana Menteri berkata, universiti itu telah memberi komitmen untuk memainkan peranan utama dalam kerjasama antara Jepun dan Malaysia, terutama bagi membentuk program kerjasama dalam bidang berkaitan.

"Saya dimaklumkan bahawa universiti ini adalah antara yang paling maju dalam bidang penyelidikan bagi sektor pertanian.

"Tujuan utama kita bagi memastikan hasil (pertanian) dapat ditingkatkan supaya menjadi industri yang bertambah maju," katanya kepada wartawan Malaysia selepas mengadakan lawatan ke universiti itu di sini, dalam siri lawatan rasminya ke Jepun sejak kelmarin.

Beliau diiringi rombongan delegasinya termasuk Menteri Kewangan Kedua Datuk Dr Jamaludin Jarjis dan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar Datuk Law Hieng Ding.

Setakat ini, dua pelajar Malaysia mengikuti pengajian peringkat ijazah di universiti berkenaan.

Abdullah berkata, projek Lembah Bio Malaysia akan menjadi tapak bagi kerjasama penyelidikan yang dapat dimainkan antara kedua negara.

Sebelum ini, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika mengadakan lawatan kerjanya ke sini mempelawa saintis, penyelidik, firma farmaseutikal dan Kerajaan Jepun untuk sama-sama terbabit dalam pembangunan serta penyediaan dana bagi projek Lembah Bio Malaysia.

Dalam perkembangan lain, Abdullah yang turut mengadakan pertemuan dengan Gabenor Bank Jepun bagi Kerjasama Antarabangsa (JBIC) dan Presiden Nihon Keizai Himbun Inc (Nikkei) sebelum membuat lawatan ke universiti itu berkata;

"Beliau menganggap kita sudah 'graduate' kerana berjaya melaksanakan segala pembangunan dengan pinjaman yang dibuat dari Jepun. Jadi, sekarang kita kena memikirkan bentuk kerjasama bagi 'post-graduate'."

Abdullah juga berpuas hati dengan lawatannya kali ini dan menganggap hubungan kerjasama Malaysia dengan Jepun kian kukuh.

Sementara itu, Abdullah yang ditanya mengenai keputusan MCA menarik semula keahlian Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Datuk Keramat, Lim Boo Chiang dan Adun Jawi, Tan Cheng Liang, berkata, beliau tidak ada bantahan kepada keputusan itu sekiranya ia dibuat di peringkat Barisan Nasional (BN) negeri.

Bagaimanapun, beliau percaya MCA Pulau Pinang sudah berbincang dengan Ketua Menteri Tan Sri Dr Koh Tsu Koon.

"Saya tak ada apa-apa bantahan jika perkara itu boleh bawa kebaikan. Saya percaya mereka memahami keputusan itu adalah keputusan peringkat BN.

"Jadi, kalau diselesaikan pada peringkat itu ia tidak ada masalah dan saya tak berhajat untuk menimbulkan masalah dalam hal ini," katanya.

Disember lalu, Lim dan Tan digantung keahlian tanpa had masa oleh parti berkenaan kerana berkecuali daripada mengundi terhadap usul DAP menengguhkan projek Jalan Lingkaran Luar Pulau Pinang bernilai RM1.02 bilion di Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang pada 21 November lalu.

Abdullah yang juga Timbalan Pengerusi BN berkata, beliau berharap agar kesalahan yang dilakukan kedua Adun berkenaan tidak akan diulangi.

Ditanya sama ada beliau melihat tempoh penggantungan itu terlalu pendek, Abdullah berkata: "Perkara itu adalah perkara nombor dua tetapi apa yang

penting supaya ada kefahaman di pihak berkenaan iaitu bukan saja MCA, tetapi BN juga perlu dimaklumkan khususnya BN negeri."